

# Masalah dadah kian meruncing

# - PM

**K**UALA LUMPUR 22 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan polis menyediakan kertas kabinet bagi merangka satu tindakan menyeluruh membanteras gejala penagihan dan pengedaran dadah yang kini berada di tahap meruncing.

Perdana Menteri menegaskan, beliau bimbang dengan perkembangan ini kerana gejala tersebut merupakan masalah besar kepada negara sekarang dan masih lagi menjadi satu ancaman.

Perangkaan terbaru menunjukkan terdapat lebih 180,000 penagih dadah di negara ini, 78,000 daripadanya di tahap parah.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan memerlukan laporan tersebut bagi menjayakan projek pencegahan dadah serta mengenalpasti masalah sebenar yang menyebabkan bilangan penagih terus

meningkat dari tahun ke tahun.

Katanya, laporan itu juga penting untuk menentukan keperluan sebenar mempertingkatkan kerjasama antarabangsa, tindakan undang-undang serta peruntukan tambahan kewangan, jumlah pusat pemulihan dan tenaga pegawai pemulihan yang diperlukan.

**[Lagi laporan dan carta di muka 2]**

“Kita tahu bilangan pusat serenti tidak cukup untuk menampung bilangan penagih dadah yang semakin ramai,” kata Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas mendengar taklimat khas mengenai masalah dadah di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, di sini hari ini.

Beliau berkata, jumlah penagih yang memerlukan rawatan

**■ Lihat muka 2**

## Masalah dadah kian meruncing — PM

amat besar berbanding pusat-pusat serenti di seluruh negara yang hanya mampu menampung 10,000 penagih dadah pada satu-satu masa.

Dr. Mahathir berkata, memandangkan perkembangan yang semakin serius itu, kerajaan akan memberikan perhatian yang khusus terhadap masalah dadah termasuk mempertingkatkan kerjasama pencegahan di peringkat antarabangsa.

“Walaupun kita sudah mencuba untuk mencegahnya tetapi masih ramai yang terlibat.

“Keadaan mungkin lebih buruk kalau tidak ada undang-undang yang keras terhadap kesalahan dadah,” kata beliau.

Katanya, dalam perkembangan sekarang, di mana gejala penagihan dadah

berleluasa, ramai yang beranggapan pihak polis seperti tidak melakukan sebarang tindakan.

Sebenarnya, kata Dr. Mahathir, polis tidak dapat melakukan tangkapan lebih menyeluruh kerana masalah kekurangan pusat pemulihan untuk menampung jumlah penagih yang semakin meningkat.

“Kita lihat pelbagai laporan tentang penagihan dadah termasuk gambar penagih sedang menyuntik dadah dan ini seolah-olah memberi gambaran yang pihak polis tidak bertindak.

“Sebenarnya jika polis menangkap mereka, kita menghadapi masalah untuk merawat mereka kerana kekurangan pusat-pusat pemulihan dan penjara kita juga penuh,” kata Dr. Mahathir.